



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

# **HUBUNGAN ANTARA PENGUPAYAAN GURU DENGAN EFIKASI KENDIRI GURU DI SEKOLAH RENDAH DAERAH HULU SELANGOR**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**SITI AMINAH BINTI MOHAMED SUYUD**

**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2021**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



pt'

## HUBUNGAN ANTARA PENGUPAYAAN GURU DENGAN EFKASI KENDIRI GURU DI SEKOLAH RENDAH DAERAH HULU SELANGOR

SITI AMINAH BINTI MOHAMED SUYUD



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK  
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN  
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2021



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**Sila tanda (\)**

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

/

## INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 09 (hari bulan) Disember (bulan) 2021

### i. Perakuan pelajar:

Saya, **SITI AMINAH BINTI MOHAMED SUYUD, M20162001986, FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI** dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk **HUBUNGAN ANTARA PENGUPAYAAN GURU DENGAN EFKASI KENDIRI GURU DI SEKOLAH RENDAH DAERAH HULU SELANGOR** adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya.



---

Tandatangan pelajar

### ii. Perakuan Penyelia:

Saya, **PROF. DR. MAHALIZA BINTI MANSOR** dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk **HUBUNGAN ANTARA PENGUPAYAAN GURU DENGAN EFKASI KENDIRI GURU DI SEKOLAH RENDAH DAERAH HULU SELANGOR** dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh **IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENGURUSAN PENDIDIKAN).**

---

Tarikh

---

Tandatangan Penyelia





## INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH / INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

### BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK *DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM*

Tajuk / Title : HUBUNGAN ANTARA PENGUPAYAAN GURU DENGAN  
EPIKASI KENDIRI GURU DI SEKOLAH RENDAH  
DAERAH HULU SELANGOR  
 No. Matrik / Matric's No. : M20162001986  
 Saya / I : SITI AMINAH BINTI MOHAMED SUYUD  
 (Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)\* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-  
*acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-*

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.  
*The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris*
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan buntuk tujuan rujukan dan penyelidikan.  
*Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.*
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.  
*The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.*
4. Sila tandakan ( ✓ ) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick ( ✓ ) for category below:-

**SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

**TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

**TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: \_\_\_\_\_

(Tandatangan Penyelia / Signature of  
Supervisor)

&amp; (Nama &amp; Cop Rasmi / Name &amp; Official Stamp)

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

*Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.*





## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T, Tuhan sekalian alam serta selawat dan salam kepada junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W akhirnya saya telah berjaya menyiapkan penulisan disertasi seperti yang diharapkan. Setinggi-tinggi penghargaan yang tidak terhingga kepada penyelia saya Dr. Mahaliza Binti Mansor atas bimbingan dan tunjuk ajar bagi menghasilkan penulisan ini. Beliau banyak meluangkan masa, menyumbang idea, memberi semangat dan nasihat sepanjang tempoh menyiapkan disertasi ini. Tidak dilupakan juga kepada pensyarah-pensyarah Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, yang telah membantu secara langsung atau tidak secara langsung, kepada semua guru di Daerah Hulu Selangor yang memberi kerjasama kepada saya untuk mengumpul data bagi menyiapkan kajian ini. Saya juga merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada semua guru dan kakitangan SK Kalumpang yang sentiasa memberikan kerjasama dan komitmen terhadap tugas terutama semasa ketiadaan saya di sekolah. Kepada keluarga tersayang terutama suami tercinta M. Hafiz Hazmanuddin, anak tersayang Muhammad Darwisy dan Ainul Mardhiah yang sentiasa mendorong dan memahami kekangan masa sepanjang menyiapkan disertasi ini. Tidak lupa juga kepada ibu tercinta Siti Aishah, bapa mertua Haji Ahmad Shukri dan ibu mertua Hajah Saadiah yang sentiasa mendoakan kejayaan saya dalam menyiapkan kajian ini. Semoga Allah S.W.T sentiasa merahmati dan memberkati segala perjuangan menuntut ilmu untuk kebaikan bersama. Sekian, terima kasih.





## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti hubungan antara pengupayaan guru dan efikasi kendiri guru di sekolah rendah Daerah Hulu Selangor. Pendekatan kuantitatif dengan menggunakan kaedah tinjauan telah digunakan dalam kajian ini. Instrumen yang digunakan adalah borang soal selidik. Seramai 152 orang guru telah dipilih melalui kaedah pensampelan rawak mudah yang terdiri daripada guru di 11 buah sekolah rendah di daerah Hulu Selangor. Data yang telah dikumpul, dianalisis menggunakan analisis deskriptif dan inferensi. Analisis deskriptif digunakan untuk menjelaskan tahap pengupayaan guru dan efikasi kendiri guru. Analisis inferensi pula adalah ujian-t dan korelasi Pearson yang digunakan untuk menerangkan perbezaan serta hubungan antara pemboleh ubah kajian. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa tahap pengupayaan guru ( $Min = 3.71$ ,  $SP = .380$ ) dan efikasi kendiri guru ( $Min = 3.78$ ,  $SP = .408$ ) adalah pada tahap tinggi. Keputusan ujian-t menunjukkan tidak terdapat perbezaan pandangan jantina terhadap pengupayaan guru iaitu  $t(152) = 1.22$ , dan nilai signifikan adalah  $p = .22$  ( $p > .05$ ). Manakala bagi perbezaan pandangan jantina terhadap efikasi kendiri guru juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan iaitu  $t(152) = -.68$ , dan nilai signifikan adalah  $p = .50$  ( $p > 0.5$ ). Bagi ujian korelasi pula nilai signifikan yang diperolehi adalah  $p = .01$  ( $p < 0.5$ ) iaitu menunjukkan terdapat hubungan yang positif sederhana kuat antara pengupayaan guru dan efikasi kendiri guru ( $r = .384$ ). Kesimpulan daripada kajian ini menunjukkan amalan pengupayaan guru dapat meningkatkan efikasi kendiri guru. Implikasi kajian menunjukkan pengupayaan guru dapat memberi kesan positif terhadap efikasi kendiri guru, yang mendorong guru lebih bermotivasi dalam usaha untuk mencapai kecemerlangan sesebuah organisasi sekolah.





## **THE RELATIONSHIP BETWEEN TEACHER EMPOWERMENT AND TEACHER SELF-EFFICACY IN HULU SELANGOR DISTRICT PRIMARY SCHOOLS**

### **ABSTRACT**

This study aims to identify the relationship between teacher empowerment and self-efficacy in the Hulu Selangor district primary schools. A quantitative approach using survey method was used in this study. The instrument used was a questionnaire. A total of 152 teachers were selected through a simple random sampling method consisting of teachers in 11 primary schools in the district of Hulu Selangor. The data that have been collected, were analyzed using descriptive and inferential analysis. Descriptive analysis was used to explain the level of teacher empowerment and teacher self-efficacy. Inferential analysis t-test and Pearson correlation used to explain the differences and relationships between the variables. The findings shown that the level of teacher empowerment (Mean = 3.71, SD = .380) and teacher self-efficacy (Mean = 3.78, SD = .408) were at the high level. The results of t-test shown that there was no differences in gender views on teacher empowerment,  $t(152) = 1.22$ , and the significant value was  $p = .22$  ( $p > .05$ ). While for the difference in gender views on teachers' self-efficacy also shown no significant differences,  $t(152) = -.68$ , and the significant value is  $p = .50$  ( $p > 0.5$ ). As for the correlation, the significant value obtained was  $p = .01$  ( $p < 0.5$ ) which shown that there was a moderately strong positive relationship between teacher empowerment and teacher self-efficacy ( $r = .384$ ). Conclusions from this study indicate that teacher empowerment practices can improve teacher self-efficacy. Implications of the study shown that teacher empowerment can impose a positive impact on teachers' self-efficacy, which encourages teachers to be more motivated in their efforts to achieve excellence in a school organization.





## KANDUNGAN

	Muka Surat
<b>PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN</b>	ii
<b>PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	v
<b>ABSTRACT</b>	vi
<b>KANDUNGAN</b>	vii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xii
<b>SENARAI RAJAH</b>	xiv
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xv
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xvi



### BAB 1 PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	4
1.3	Pernyataan Masalah	6
1.4	Tujuan Kajian	10
1.5	Objektif Kajian	10
1.6	Persoalan Kajian	11
1.7	Hipotesis Kajian	11
1.8	Kerangka Teori Kajian	12
	1.8.1 Teori Pengupayaan Guru	12
	1.8.2 Model Integrasi Efikasi Kendiri Guru	13
1.9	Kerangka Konsep	15
1.10	Kepentingan Kajian	16
1.11	Batasan Kajian	17





1.12 Definis Operasional Kajian	18
1.12.1 Pengupayaan Guru	18
1.12.2 Efikasi Kendiri Guru	20
1.12.4 Sekolah Rendah	22
1.12.5 Guru	22
1.13 Kesimpulan	23

## BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	24
2.2 Pengupayaan	25
2.2.1 Definisi Pengupayaan Guru	26
2.2.2 Teori Pengupayaan Guru	27
2.2.3 Model Pengupayaan Guru	28
2.2.4 Kajian Lepas Berkaitan Pengupayaan Guru	30
2.3 Efikasi Kendiri	34
2.3.1 Definisi Efikasi Kendiri Guru	35
2.3.2 Model Efikasi Kendiri Guru	36
2.3.3 Teori Efikasi Kendiri Guru	37
2.3.4 Kajian Lepas Berkaitan Efikasi Kendiri Guru	39
2.4 Kajian Lepas Berkaitan Perbezaan Jantina Lelaki dan Perempuan Berkaitan Pengupayaan Guru dan Efikasi Kendiri Guru	45
2.5 Kajian Lepas Berkaitan Pengupayaan Guru dan Efikasi Kendiri Guru	46
2.9 Kesimpulan	47





### BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan	48
3.2 Reka Bentuk Kajian	48
3.3 Populasi dan Sampel Kajian	49
3.4 Instrumen Kajian	50
3.4.1 Bahagian A – Demografi	51
3.4.2 Bahagian B – Amalan Pengupayaan Guru di Sekolah	51
3.4.3 Bahagian C – Efikasi Kendiri Guru	53
3.5 Kajian Rintis	54
3.5.1 Kebolehpercayaan	55
3.6 Kesahan	56
3.6.1 Kesahan Muka	57
3.6.2 Kesahan Kandungan	57
3.7 Prosedur Pengumpulan Data	58
3.8 Prosedur Penganalisisan Data	59
3.8.1 Persoalan Kajian 1: Apakah tahap pengupayaan guru di sekolah rendah daerah Hulu Selangor?	60
3.8.2 Persoalan Kajian 2: Apakah tahap efikasi kendiri guru di sekolah rendah daerah Hulu Selangor?	60
3.8.3 Persoalan Kajian 3: Adakah terdapat perbezaan pandangan antara jantina terhadap pengupayaan guru dan efikasi kendiri guru di sekolah rendah daerah Hulu Selangor, Selangor?	61
3.8.4 Adakah terdapat hubungan antara pengupayaan guru dengan efikasi kendiri guru di sekolah rendah daerah Hulu Selangor, Selangor?	62
3.9 Kesimpulan	63



**BAB 4 DAPATAN KAJIAN**

4.1 Pengenalan	64
4.2 Analisis Deskriptif	64
4.2.1 Taburan Responden Berdasarkan Jantina	65
4.2.2 Taburan Responden Berdasarkan Umur	66
4.2.3 Taburan Responden Berdasarkan Kelayakan Akademik	66
4.2.4 Taburan Responden Berdasarkan Jawatan-Jawatan di Sekolah	67
4.2.5 Taburan Responden Berdasarkan Pengalaman Bertugas di Sekolah Semasa	68
4.2.6 Analisis Data-Data Pemboleh Ubah (Skor Min, Sisihan Piawai dan Tahap)	69
4.2.6.1 Persoalan Kajian 1: Apakah tahap pengupayaan guru di sekolah rendah Daerah Hulu Selangor?	69
4.2.6.2 Persoalan Kajian 2: Apakah Tahap Efikasi Kendiri Guru Di Sekolah Rendah Daerah Hulu Selangor?	75
4.3 Pengesahan Kepelbagai dan Kestabilan Pemboleh Ubah	80
4.3.1 Ujian Nomaliti	80
4.3.2 Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	81
4.4 Analisis Inferensi	82
4.4.1 Persoalan Kajian 3: Adakah Terdapat Perbezaan Pandangan Di Antara Jantina Terhadap Pengupayaan Guru dan Efikasi Kendiri Guru Di Sekolah Rendah Daerah Hulu Selangor, Selangor?	82
4.4.2 Persoalan Kajian 4: Adakah Terdapat Perbezaan Pandangan Di Antara Jantina Terhadap Efikasi Kendiri Guru Di Sekolah Rendah Daerah Hulu Selangor, Selangor?	85
4.4.3 Persoalan Kajian 5: Adakah Terdapat Hubungan Di Antara Pengupayaan Guru Dengan Efikasi Kendiri Guru Di Sekolah Rendah Daerah Hulu Selangor, Selangor?	86





4.5 Kesimpulan	88
----------------	----

## BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan	89
5.2 Ringkasan Kajian	89
5.3 Ringkasan Dapatan Kajian	91
5.4 Perbincangan Dapatan Kajian	94
5.4.1 Pandangan Guru Terhadap Tahap Pengupayaan Guru	94
5.4.2 Pandangan Guru Terhadap Tahap Efikasi Kendiri Guru	94
5.4.3 Perbezaan Pandangan Guru Berdasarkan Faktor Jantina Terhadap Pengupayaan Guru dan Efikasi Kendiri Guru	103
5.4.4 Hubungan Antara Pengupayaan Guru dan Efikasi Kendiri Guru	105
5.5 aka. Implikasi Dapatan Kajian	110
5.6 Cadangan	111
5.6.1 Cadangan Kepada Guru	111
5.6.2 Cadangan Kepada Sekolah	112
5.6.3 Cadangan Kepada PPD, JPN dan KPM	112
5.7 Cadangan Kajian Lanjutan	113
5.8 Kesimpulan	114
<b>RUJUKAN</b>	115
<b>LAMPIRAN</b>	





## SENARAI JADUAL

<b>No. Jadual</b>		<b>Muka Surat</b>
3.1	Nombor Item Bagi Setiap Pemboleh Ubah	52
3.2	Nilai Skor Mengikut Skala Likert Bagi Pengupayaan Guru	52
3.3	Item Bagi Setiap Pemboleh Ubah	53
3.4	Nilai Skor Mengikut Skala Likert Bagi Efikasi Kendiri Guru	54
3.5	Nilai <i>Alpha Cronbach</i> Bagi Ujian Rintisberdasarkan Pemboleh Ubah Pengupayaan Guru	55
3.6	Nilai <i>Alpha Cronbach</i> Bagi Ujian Rintis Berdasarkan Pemboleh Ubah Efikasi Kendiri Guru	56
3.7	Garis Panduan Skor Min Bagi Pemboleh Ubah Pengupayaan Guru	60
3.8	Garis Panduan Skor Min Bagi Pemboleh Ubah Efikasi Kendiri Guru	61
3.9	Nilai r dan Taksiran Kolerasi	63
4.1	Taburan Responden Kajian Berdasarkan Jantina	65
4.2	Taburan Responden Kajian Berdasarkan Umur	66
4.3	Taburan Responden Kajian Berdasarkan Kelayakan Akademik	67
4.4	Taburan Responden Kajian Berdasarkan Jawatan-Jawatan di Sekolah	67
4.5	Taburan Responden Kajian Berdasarkan Pengalaman Bertugas di Sekolah Semasa	68
4.6	Min dan Sisihan Piawai Bagi Pemboleh Ubah Pengupayaan Guru	70
4.7	Skor Min dan Sisihan Piawai Bagi Dimensi Membuat Keputusan	71
4.8	Skor Min dan Sisihan Piawai Bagi Dimensi Pengembangan Profesional	72
4.9	Skor Min dan Sisihan Piawai Bagi Dimensi Status	73





4.10	Skor Min dan Sisihan Piawai Bagi Dimensi Autonomi	74
4.11	Skor Min dan Sisihan Piawai Bagi Dimensi Impak	75
4.12	Min dan Sisihan Piawai Bagi Pemboleh Ubah Efikasi Kendiri Guru	76
4.13	Skor Min dan Sisihan Piawai Bagi Elemen Penglibatan Murid	77
4.14	Skor Min dan Sisihan Piawai Bagi Elemen Strategi Pengajaran	78
4.15	Skor Min dan Sisihan Piawai Bagi Elemen Pengurusan Kelas	79
4.16	Ujian Normaliti Bagi Pemboleh Ubah Pengupayaan Guru dan Efikasi Kendiri Guru	80
4.17	Jadual Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	82
4.18	Analisis Ujian-t Perbezaan Lima Dimensi Pengupayaan Guru Berdasarkan Faktor Jantina	84
4.19	Analisis Ujian-t Perbezaan Tiga Elemen Efikasi Kendiri Guru Berdasarkan Faktor Jantina	85
4.20	Analisis Korelasi Pengupayaan Guru dan Efikasi Kendiri Guru	87





## SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Model Integrasi Efikasi Kendiri Guru Tschannen-Moran dan Hoy (1998)	14
1.2 Kerangka Konsep Yang Digunakan Dalam Kajian Berdasarkan Adaptasi Hemric et al. (2010)	15
2.1 Model Pengupayaan Berbentuk Bulatan	29





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

XV

## SENARAI SINGKATAN

JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
PKG	Pusat Kegiatan Guru
PPD	Pejabat Pendidikan Negeri
PPP	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



## SENARAI LAMPIRAN

- A Surat kelulusan menjalankan kajian Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
- B Surat kelulusan menjalankan kajian Jabatan Pendidikan Negeri Selangor
- C Surat kelulusan menjalankan kajian Pejabat Pendidikan Daerah Hulu Selangor
- D Set soalan soal selidik
- E Output ujian normaliti pemboleh ubah pengupayaan guru
  - Output ujian normaliti pemboleh ubah efikasi kendiri
- F Output bagi ujian deskriptif demografi
- G Output min dan sisihan piawai bagi pemboleh ubah pengupayaan guru
  - Output min dan sisihan piawai bagi pemboleh ubah efikasi kendiri guru
- H Output ujian t bagi pemboleh ubah pengupayaan guru
  - Output ujian t bagi pemboleh ubah pengupayaan guru
- I Output ujian korelasi antara pengupayaan guru dan efikasi kendiri guru





## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan



Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melancarkan kajian semula berkaitan sistem pendidikan negara sejajar hasrat untuk menjadikan Malaysia sebagai hub pendidikan yang berkualiti di Asia Tenggara. Bagi mencapai kualiti sistem pendidikan, kerajaan melaksanakan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. PPPM menerusi gelombang pertama ini merupakan asas kepada permulaan proses transformasi pendidikan. Menerusi proses transformasi, guru diberi ruang dan sokongan untuk mereka memberi tumpuan kepada kemahiran utama mereka (Pendidik, Ogos 2018). Sehubungan dengan itu, Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) perlu merangka strategi penambah baik sistem amalan pengurusan yang menyumbang kepada mencapai kecemerlangan akademik, kurikulum, disiplin dan sahsiah murid yang baik, amalan kepimpinan dan pengurusan yang berkesan serta kompetensi guru yang tinggi. Oleh itu, melalui Anjakan Ke-6 dalam PPPM (2013-2025) membuka





peluang pengupayaan kepada sekolah, PPD dan JPN berdasarkan keperluan. Seluruh jentera pentadbiran pendidikan daripada peringkat pusat sehingga peringkat sekolah perlu bertukar corak kerja yang lebih efisien bagi mencapai kecemerlangan.

Menjelang sistem pendidikan abad ke-21, kerajaan sewajarnya merangka semula sistem pendidikan melalui pengupayaan guru dalam bidang pendidikan (Yuling, 2015) dan perubahan perlu dilakukan bagi organisasi sekolah dengan penglibatan guru sebagai pembuat keputusan dan pengupayaan bagi mencapai kualiti sesebuah organisasi sekolah (Norazlinda & Sankaran, 2012). Satu perubahan perlu dilaksanakan dalam sistem pentadbiran sekolah berunsurkan birokrasi yang membataskan guru dalam memberi pandangan dalam sesuatu keputusan dan kurang komunikasi antara pentadbir sekolah serta menjelaskan kualiti organisasi sekolah (Ngang, 2015). Sehubungan dengan itu, pengurusan pada abad ke-21 ini menjadikan pengupayaan salah satu komponen yang penting bagi mewujudkan organisasi yang berkualiti dan sistematik apabila amalan pengupayaan menjadi salah satu kaedah untuk melibatkan semua ahli dalam organisasi untuk melibatkan diri dalam aktiviti pengurusan organisasi. Pengupayaan adalah penurunan kuasa dan kepercayaan pentadbir terhadap kemampuan orang bawahannya untuk menjalankan sesuatu tugas meliputi bidang pentadbiran, hal ehwal murid, kurikulum, kokurikulum, perkhidmatan dan perjawatan, kewangan, perhubungan dan budaya sekolah (Azliana, 2012). Kepercayaan yang diberikan oleh pentadbir juga memberi peluang kepada guru untuk menimba pengalaman dalam mengurus, berinteraksi dengan berkesan, berupaya membuat keputusan dengan baik dan dapat menentukan strategi untuk meningkatkan pencapaian murid dan memajukan sekolah (Norasmah & Rofilah, 2013).





Sehubungan dengan itu, wajarlah diterapkan amalan pengupayaan guru dalam sistem pendidikan negara dengan memberi peluang pandangan, idea, kewibawaan, pandangan guru dalam mencorakkan sistem pendidikan di abad ke-21. Selain itu, corak pendidikan pada masa kini juga memberi cabaran kepada pendidik untuk mengubah reka bentuk pengajaran bagi meningkatkan pencapaian akademik pelajar (Hemric, Shellman & Eury, 2010).

Bagi mencapai aspirasi negara dalam meningkatkan sistem pendidikan negara tersebut, guru juga memainkan peranan sebagai tunjang utama dalam perubahan ini. Oleh itu, efikasi kendiri guru amat dititik beratkan dalam usaha ini bagi mencapai aspirasi tersebut. Tschannen-Moran dan Hoy (2001) mentafsirkan efikasi kendiri guru sebagai satu tingkah laku, semangat, ketekunan yang tinggi bagi seorang guru dalam menjalankan tugas serta memberi sepenuhnya dan komitmen terhadap kerjaya guru. Manakala, Bandura (1986) juga mendapati seseorang yang mempunyai tahap efikasi diri yang tinggi mampu menghadapi persaingan dan meningkatkan pencapaian individu serta mampu mengawal emosi dengan baik. Tahap efikasi kendiri guru yang tinggi meningkatkan kepercayaan kepada guru untuk mengaplikasikan pendekatan baharu dan lebih berkesan dalam aktiviti pengajaran. Justeru, turut memberi kesan kepada keyakinan dan kemampuan diri untuk meningkatkan pembelajaran murid.

Bab 1 ini akan menjelaskan secara terperinci berkaitan latar belakang kajian yang dikaji, hubungan pengupayaan dengan efikasi kendiri dalam pengurusan sekolah, objektif dan hipotesis kajian. Selain itu dinyatakan definisi konsep setiap pemboleh ubah dan dibincangkan untuk menjelaskan lagi hubungan di antara pemboleh ubah tersebut.





## 1.2 Latar Belakang Kajian

Sejajar dengan perkembangan dunia, pendidikan juga seharusnya berlaku transformasi agar pelajar tidak ketinggalan dalam perkembangan dunia. Oleh itu, dalam meningkatkan pencapaian pelajar, guru memainkan peranan penting yang menjadi tulang belakang dan juga merupakan agen perubahan sekolah untuk menghasilkan guru yang berkualiti selari dengan perubahan sistem pendidikan pada abad ini (Katzenmeyer & Moller, 2009).

Azliana (2012) menyatakan apabila guru diberi hak kebebasan dalam membuat keputusan berkaitan dengan proses pengajaran dan pembelajaran, guru diberi tanggungjawab dan peluang dalam menyelesaikan masalah yang timbul adalah merupakan aspek yang penting dalam melaksanakan pengupayaan guru untuk membantu meningkatkan prestasi sekolah. Pengupayaan juga memberi kesan kepada kesejahteraan organisasi (Somasundaram, 2016), pengupayaan guru tidak terbatas hanya pengajaran di dalam kelas tetapi guru secara langsung terlibat dalam program dan aktiviti yang dirancang di peringkat sekolah, malah di peringkat daerah, negeri, kebangsaan, antarabangsa. Guru juga menjadi pemimpin di kalangan rakan sekerja, berinteraksi dan bekerjasama dengan warga sekolah (Norashikin, Ramli & Fooi, 2015).

Berdasarkan Short dan Rinehart (1992) pula, pengupayaan guru bermaksud memberi autonomi, pilihan kuasa, tanggungjawab dan keupayaan kepada guru untuk mengembangkan profesional mereka. Skaalvik dan Skaalvik (2014), juga berpendapat pengupayaan adalah memberi hak kebebasan kepada guru untuk mencapai matlamat dalam pengajaran dan pembelajaran. Hak kebebasan guru yang diberikan kepada





guru secara langsung memberi impak kepada kepuasan guru menjalankan tugas yang memberi motivasi kepada penglibatan guru dalam kerjaya mereka (Lyon et al., 2013).

Kajian Lyon et al. (2013) menunjukkan perkaitan apabila guru diberi kuasa, motivasi guru akan meningkat dan memberi kesan kepada efikasi kendiri guru untuk memajukan kerjaya mereka. Noland dan Richards (2015) juga mendapati, pengupayaan dapat memberi keyakinan diri kepada guru bagi memantapkan komunikasi mereka, justeru dapat meningkatkan efikasi kendiri mereka untuk lebih berjaya dalam profesi perguruan.

Efikasi kendiri guru menurut Tschannen-Moran dan Hoy (2001), mendapati bahawa seseorang guru percaya dan yakin akan kebolehan dirinya untuk mencapai kejayaan dalam kerjayanya. Kepercayaan diri adalah berkait rapat dengan pengupayaan guru dalam organisasi mereka. Oleh itu, apabila guru diberi pengupayaan dalam organisasi mereka kepercayaan diri guru akan meningkat, justeru mereka mampu mencapai kejayaan dalam kerjaya mereka.

Menurut Steele (2010) pula kepercayaan diri guru seseorang terhadap kemampuannya dapat memberi kesan kepada efikasi kendiri guru dan pencapaian pelajar di dalam kelas. Kajian Calik, Sezgin, Kaavgagi dan Kilinc (2012) juga menyokong iaitu apabila kepercayaan yang diberikan oleh ketua organisasi akan memberi keyakinan diri guru untuk lebih berkeyakinan dan juga terkesan kepada peningkatan pencapaian pelajar. Efikasi diri guru juga berkait dengan kepuasan kerja (Skaalvik & Skaalvik, 2014; Steele, 2010). Selain itu memberi kesan kepada persekitaran sekolah (Konaklt, 2015). Menurut Bhatia (2014); Syed Kamarzuaman, Mohd Zaki dan Julismah (2014) pula, pengalaman guru yang lebih menentukan tahap efikasi kendiri dan meningkatkan profesionalisme seseorang guru.





Penemuan kajian seperti yang di bincang di atas, mendapati bahawa kepentingan untuk memahami dan mengenal pasti hubungan antara pemboleh ubah pengupayaan guru dan pemboleh ubah efikasi kendiri guru. Keputusan ini boleh membawa kepada kajian masa depan dan berpotensi menjadi amalan dalam sistem pendidikan, dasar pendidikan dan program sokongan sejajar dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025). Penemuan kajian di antara hubungan pengupayaan guru dan efikasi kendiri guru dapat memberi maklumat tambahan mengenai kedua-dua pemboleh ubah dan membantu mengisi jurang dalam mengembangkan pengetahuan.

### 1.3 Pernyataan Masalah

Guru merupakan tunjang utama dalam sistem pendidikan negara. Oleh yang demikian, usaha ke arah meningkatkan kualiti pendidikan Malaysia setanding dengan perkembangan pendidikan antarabangsa, profesional perguruan haruslah dititik beratkan. Salah satu amalan bagi meningkatkan profesionalisme yang perlu dilaksanakan dalam sistem pendidikan negara adalah amalan pengupayaan guru yang juga turut diberikan penekanan menerusi Anjakan ke-6 dalam PPPM 2013-2025 iaitu memberi pengupayaan kepada sekolah, PPD dan JPN untuk menyediakan penyelesaian khusus berdasarkan keperluan sesebuah sekolah. Selain itu, menerusi Program Transformasi Sekolah 2025 (TS25), pengupayaan juga diberikan kepada pengurusan pertengahan dalam mengurus hal-hal berkaitan pengurusan sekolah dan kemenjadian murid (Sukeman et al., 2014).





Sehubungan dengan itu, kajian mendapati sistem pengurusan pendidikan di Malaysia masih lagi mengamalkan sistem sentralisasi yang diwarisi daripada penjajah. Sentralisasi bermaksud pemusatan kuasa membuat keputusan dalam merancang dan menguruskan sistem pendidikan negara. Keputusan sesuatu pendidikan hanya datang dari satu punca kuasa iaitu KPM. Amalan pemusatan kuasa ini menimbulkan pelbagai masalah dalam pengurusan pendidikan contohnya, pengurusan sekolah yang daif dan guru terbatas dalam menyelesaikan sesuatu masalah berkaitan pelajar. Oleh yang demikian, sistem pendidikan perlu membuat perubahan dari sistem sentralisasi kepada pengupayaan yang memberi kesan kepada kemenjadian murid dan kualiti pendidikan (Anuar, 2020).

Pengkaji melihat masalah sistem sentralisasi dalam pengurusan pendidikan negara berkait rapat dengan pelaksanaan Program Transformasi Sekolah 2025 (TS25). Program ini merupakan usaha KPM ke arah meningkatkan kemenjadian murid dan sekolah berkualiti (Sukeman et al., 2014). Menerusi salah satu modul yang diterapkan adalah pelaksanaan pengupayaan pemimpin pertengahan dengan memberikan pengupayaan kepada pemimpin pertengahan agar dapat memacu perubahan dan pelaksanaan proses penambahbaikan dilaksanakan dengan berkesan di sekolah. Selain tu, menerusi modul 4 dalam TS25 ini juga melibatkan autonomi kepada guru dalam pembelajaran profesional dan kepentingan autonomi guru terhadap pengajaran di bilik darjah (Sukeman et al., 2014).

Oleh yang demikian, kajian berkaitan permasalahan sentralisasi haruslah dikaji dengan lebih luas supaya dapat mengetahui tahap pelaksanaan amalan pengupayaan dalam sistem pendidikan negara. Justeru pengkaji telah memilih sekolah rendah di kawasan daerah Hulu Selangor bagi mengenal pasti tahap pengupayaan guru sejajar





dengan pelaksanaan Program Transformasi Sekolah 2025 (TS25) yang telah dilaksanakan di sekolah rendah daerah Hulu Selangor.

Efikasi kendiri guru dapat mengukur tahap keyakinan guru bahawa guru mampu mempengaruhi penglibatan murid, pengurusan kelas dan strategi pengajaran (Hemric et al., 2010) yang menyumbang kepada kualiti guru dan memberi kesan kepada sistem pendidikan negara. Walaupun telah banyak kajian berkaitan efikasi kendiri guru dijalankan seperti Rusliza, Norsamsinar, Jessnor dan Hemini (2017); Aziah, Yen dan Abdul Ghani (2015); Rabiatul-Adawiah (2016); Baharuzaini, Muhammad Hisham, Mohd Hanif, Mohd Norhisyam dan Azlin (2016) menunjukkan efikasi kendiri guru pada tahap tinggi, tetapi masih terdapat juga kajian yang mendapatkan efikasi kendiri guru di tahap sederhana seperti Rahimah, Rosini, Abdullah dan Habsah (2014) dan Masitah et al. (2013).



Berdasarkan pemerhatian tersebut, terdapat perbezaan hasil kajian berkaitan efikasi kendiri guru mengikut kawasan kajian. Justeru ini mendorong pengkaji untuk mengkaji tahap efikasi kendiri guru di sekolah-sekolah rendah daerah Hulu Selangor dan mengenal pasti tahap efikasi kendiri guru secara lebih terperinci di daerah kawasan kajian.

Kajian berkaitan jantina telah popular sejak dekat lalu dari aspek pendidikan mahupun bidang yang lain. Perbezaan antara lelaki dan perempuan biasanya melibatkan kenaikan pangkat, pengambilan pekerjaan, keadaan di tempat kerja yang menjadi jurang antara jantina. Kajian oleh Winnie dan Azizan (2017) mendapatkan, pembahagian kerja berdasarkan jantina berlaku disebabkan oleh faktor kemahiran dan fizikal pekerja. Pekerja lelaki lebih diberikan keutamaan untuk memegang jawatan-jawatan tinggi dalam organisasi, hal ini disebabkan majikan percaya bahawa pekerja





lelaki lebih kemahiran dan berdaya tahan lasak. Oleh yang demikian, pengkaji juga ingin mengenal pasti perbezaan jantina memberi kesan kepada tahap pengupayaan guru di sekolah rendah serta kesan kepada efikasi kendiri guru dalam sistem pengurusan pendidikan di Malaysia.

Selain itu, kajian ini juga ingin mengenal pasti hubungan antara pengupayaan guru dan efikasi kendiri guru kerana kedua-dua pemboleh ubah ini saling berkait untuk menghasilkan guru yang berkualiti dan berdaya saing dalam arus perubahan sistem pendidikan di abad ke-21 ini. Pengkaji juga mendapati masih kurang kajian berkaitan kedua-dua pemboleh ubah ini dijalankan di Malaysia. Hal ini, mendorong pengkaji untuk mengenal pasti lebih jelas hubung kait antara pengupayaan guru dan efikasi kendiri guru di kawasan kajian daerah Hulu Selangor kerana kedua-dua pemboleh ubah ini mempunyai hubungan yang mampu menghasilkan guru yang berkualiti dan berdaya saing dalam arus perubahan sistem pendidikan pada masa kini, juga dapat memberi impak yang positif dalam kecemerlangan sesebuah organisasi sekolah seperti yang disarankan oleh PPPM dalam Anjakan ke-6 iaitu memberi keupayaan kepada sekolah dengan memberi tanggungjawab bagi menentukan bajet, keperluan khusus sekolah dan perlaksanaan kurikulum sekolah agar menjelang tahun 2020 ini bilangan Sekolah Kluster Kecemerlangan dan Sekolah Berprestasi Tinggi akan bertambah di Malaysia.





#### 1.4 Tujuan Kajian

Kajian dijalankan adalah untuk mendapatkan maklum balas di kalangan guru berkaitan dengan tahap pengupayaan guru dan efikasi kendiri guru. Justeru pengkaji dapat menghubung kait antara pengupayaan guru dan efikasi kendiri guru di sekolah rendah di daerah Hulu Selangor.

#### 1.5 Objektif Kajian

Berdasarkan tujuan kajian, secara khususnya objektif kajian adalah seperti berikut:

- i. Mengenal pasti tahap pengupayaan guru di sekolah rendah daerah Hulu Selangor, Selangor.
- ii. Mengenal pasti tahap efikasi kendiri guru di sekolah rendah daerah Hulu Selangor, Selangor.
- iii. Mengenal pasti perbezaan pandangan antara jantina terhadap pengupayaan guru dan efikasi kendiri guru di sekolah rendah daerah Hulu Selangor, Selangor.
- iv. Mengenal pasti hubungan antara pengupayaan guru dan efikasi kendiri guru di sekolah rendah daerah Hulu Selangor, Selangor.





## 1.6 Persoalan Kajian

Berdasarkan objektif di atas, kajian ini akan menjawab persoalan-persoalan berikut:

- i. Apakah tahap pengupayaan guru di sekolah rendah daerah Hulu Selangor?
- ii. Apakah tahap efikasi kendiri guru di sekolah rendah daerah Hulu Selangor?
- iii. Adakah terdapat perbezaan pandangan antara jantina terhadap pengupayaan guru dan efikasi kendiri guru di sekolah rendah daerah Hulu Selangor, Selangor?
- iv. Adakah terdapat hubungan antara pengupayaan guru dengan efikasi kendiri guru di sekolah rendah daerah Hulu Selangor, Selangor?



## 1.7 Hipotesis Kajian

Hipotesis yang dibentuk untuk mencapai objektif kajian ialah:

### Hipotesis 1

$H_0$ : Tidak terdapat perbezaan pandangan yang signifikasi antara jantina terhadap pengupayaan guru di sekolah rendah daerah Hulu Selangor.





## Hipotesis 2

$H_{o2}$ : Tidak terdapat perbezaan pandangan yang signifikasi antara jantina terhadap efikasi kendiri guru di sekolah rendah daerah Hulu Selangor.

## Hipotesis 3

$H_{o3}$ : Tidak terdapat hubungan yang signifikasi antara pengupayaan guru dengan efikasi kendiri guru di sekolah rendah.

### 1.8 Kerangka Teori Kajian

Kerangka teori kajian adalah berdasarkan Short dan Rinehart (1992) bagi pemboleh ubah pengupayaan guru. Manakala bagi pemboleh ubah efikasi kendiri guru adalah menggunakan Model Integrasi Efikasi Kendiri Guru yang dibina oleh Tschannen-Moran, Hoy dan Hoy (1998).

#### 1.8.1 Teori Pengupayaan Guru

Menurut Short dan Rinehart (1992) pengupayaan guru adalah satu proses guru mempunyai kuasa, hak dan tindakan untuk menyelesaikan sesuatu masalah. Guru seharusnya diberikan peluang untuk membuat keputusan, mengawal jadual harian mereka, kecekapan yang tinggi dan peluang untuk pertumbuhan dan pembangunan bagi memperkasakan aspek kerjaya guru.




Terdapat enam dimensi pengupayaan menurut Short dan Rinehart (1992) iaitu membuat keputusan, efikasi kendiri, pengembangan profesional, status, autonomi dan impak. Dimensi membuat keputusan adalah peluang yang diberikan kepada guru untuk membuat keputusan berkaitan aspek-aspek tertentu yang mempengaruhi kerja mereka. Manakala dimensi pengembangan profesional adalah peluang yang diberikan oleh pentadbir bagi guru untuk memperluaskan pengetahuan, kemahiran dan keupayaan melalui kerja. Status pula adalah rasa hormat di kalangan rakan sekerja terhadap kepakaran dan profesionalisme guru. Manakala dimensi autonomi adalah kebebasan guru untuk membuat keputusan dalam kerjaya. Seterusnya dimensi impak menerangkan tentang persepsi guru tentang kesan kerjaya mereka. Dimensi yang seterusnya adalah efikasi kendiri adalah berkaitan tentang keupayaan guru untuk mengenal pasti tentang kepuasan terhadap kerjaya mereka. Efikasi kendiri juga adalah juga untuk mengetahui tentang tahap kebolehan guru untuk membantu murid bagi melibatkan diri dalam pembelajaran, kompetensi dalam pembangunan program yang berkaitan dan keupayaan dalam mempengaruhi murid untuk melakukan perubahan dalam pembelajaran mereka.

### 1.8.2 Model Efikasi Kendiri Guru

Model Efikasi Kendiri Guru Tschannen-Moran et al. (1998) digunakan dalam kajian ini. Model ini dibangunkan oleh Tschannen-Moran et al. (1998) hasil gabungan antara teori Bandura (1986, 1997) dan Teori Rotter (1966). Teori Bandura menerangkan terdapat empat sumber efikasi kendiri iaitu pengalaman masteri, perwakilan pengalaman, kaedah fisiologi dan afektif serta pujukan lisan (Bandura, 1986). Manakala Rotter (1996) memperkenalkan teori kawalan lokus iaitu kawalan dalaman dan kawalan luaran. Kawalan dalaman adalah merujuk kepada kepercayaan terhadap

dirinya sendiri seperti kemahiran, sikap dan usaha. Manakala kawalan luaran pula merujuk kepada kepercayaan diri yang dipengaruhi oleh faktor luaran seperti takdir dan tuah.


Rajah 1.1 di bawah menunjukkan Model Efikasi Kendiri Guru. Sumber maklumat efikasi ialah perwakilan (*vicarious*) pengalaman, pengalaman master, pujukan lisan, keadaan fisiologi dan afektif adalah faktor yang penting dalam pembangunan pengupayaan guru. Sumber maklumat efikasi ini adalah berdasarkan teori Bandura. Seterusnya, maklumat diproses dan dianalisis (proses kognitif). Berikutnya maklumat yang telah diproses akan merangsang analisis tugas mengajar dan penilaian kompeten pengajaran guru. Proses kognitif tersebut merangsang pembentukan efikasi kendiri guru dengan impak terhadap cabaran yang dihadapi oleh guru serta usaha-usaha yang dilakukan.



Rajah 1.1. Model Efikasi Kendiri Guru Tschannen-Moran et al. (1998).

## 1.9 Kerangka Konsep

Tinjauan kerangka kajian mengenai pengupayaan guru oleh Short dan Rinehart (1992) dan efikasi kendiri guru oleh Tschannen-Moran et al. (1998) memberi gambaran untuk mengkaji hubungan antara pengupayaan guru dan efikasi kendiri guru. Rajah 1.2 menunjukkan aliran kerangka konsep kajian yang menunjukkan hubungan antara pengupayaan guru dan efikasi kendiri guru.



Kajian konsep ini adalah berdasarkan adaptasi kajian oleh Hemric et al. (2010). Andaian kajian bahawa pelaksanaan elemen-elemen pengupayaan guru iaitu membuat keputusan, pengembangan profesional, status, autonomi dan impak mampu meningkatkan efikasi kendiri guru (pengurusan kelas, penglibatan murid dan strategi pengajaran) dan menyumbang kepada peningkatan kualiti guru, kecemerlangan murid dan organisasi sekolah.



## 1.10 Kepentingan Kajian

Kajian yang dijalankan diharapkan dapat memberi gambaran isu semasa berkaitan pengupayaan guru yang memberi kesan positif bagi meningkatkan efikasi kendiri guru dalam menjalankan tugasannya harian mereka. Sejajar dengan Anjakan Ke-6 dalam PPPM (2013-2025) yang menyarankan amalan pengupayaan di sekolah dengan menerapkan ciri pengurusan yang demokratik, memberi penghargaan kepada guru untuk melaksanakan tugas mereka dengan kreatif dan inovatif dalam aspek kecemerlangan akademik, kurikulum dan juga kemenjadian murid dapat dicapai dengan baik. Pelaksanaan amalan pengupayaan di sekolah juga dapat mewujudkan permuafakatan yang lebih baik antara warga sekolah dan menyumbang kepada kecemerlangan sistem pendidikan negara.



Kementerian Pendidikan Malaysia, penggubal-penggubal dasar dan juga para penyelidik mengetahui situasi dan senario di sekolah berkaitan pengupayaan guru dan efikasi kendiri guru kerana kajian ini penting bagi menggubal dasar-dasar pendidikan negara agar sistem pendidikan negara bertaraf antarabangsa.

Di samping itu, kajian juga dapat memberi sumbangan kepada pentadbir di

peringkat PPD, JPN dan pihak sekolah terutamanya dengan mengaplikasikan amalan pengupayaan dengan berkesan melalui aspek pemberian kuasa atau autonomi dan kepercayaan kepada guru dalam membuat keputusan dalam sistem pentadbiran sekolah kerana guru merupakan tunjang utama dalam sebuah organisasi dan sistem pendidikan negara. Selain itu, pentadbiran juga harus memberi peluang kepada guru untuk mengembangkan profesionalisme agar mereka dapat meningkatkan





kepakaran dan berkongsi kemahiran mereka dengan rakan sejawat serta menggunakan kepakaran mereka untuk kecemerlangan organisasi sekolah.

### 1.11 Batasan Kajian

Kajian ini adalah bersifat kuantitatif dan kaedah tinjauan. Batasan kajian yang perlu dihadapi apabila menggunakan soal selidik adalah kesahan jawapan soal selidik dari responden kerana hasil dapatan kutipan data bergantung kepada kejujuran responden dalam menjawab soalan yang diberikan. Selain itu, potensi bagi memulangkan semula soal selidik dalam jumlah yang ditetapkan adalah salah satu kekangan dalam menjalankan kajian kerana guru-guru sangat penuh dengan pengajaran dan pembelajaran serta tugas-tugas lain mereka.



Antara kekangan lain yang dihadapi oleh pengkaji adalah kekangan masa bertugas untuk mengedarkan soal selidik ke sekolah-sekolah kajian. Sekolah kajian berlangsung pada sesi pagi dan juga terletak di kawasan pendalam, oleh itu pengkaji mempunyai masa yang terhad untuk mengumpul dan mendapatkan data kajian.

Batasan kajian yang perlu dihadapi juga oleh pengkaji adalah faktor geografi kawasan kajian iaitu daerah Hulu Selangor yang merupakan daerah yang terbesar di negeri Selangor. Pengkaji telah memilih dua kawasan sekolah rendah iaitu di Pusat Kegiatan Guru Kalumpang dan Pusat Kegiatan Guru Soeharto sebagai sampel kajian, maka hasil dapatan kajian tidak merangkumi keseluruhan sekolah rendah di daerah Hulu Selangor.





Hasil kajian ini tidak dapat digunakan untuk membuat generalisasi bagi keseluruhan jabatan atau kementerian yang lain. Walau bagaimanapun, kajian ini boleh dijadikan sebagai rujukan kepada organisasi bagi melaksanakan amalan pengupayaan dan membuat perancangan komprehensif dalam meningkatkan efikasi kendiri seseorang individu.

## 1.12 Definisi Operasional

### 1.12.1 Pengupayaan Guru

Menurut Hermic et al. (2010) pengupayaan adalah satu proses kebebasan guru membuat keputusan, pilihan berdasarkan sumber-sumber dan masalah yang berkaitan dengan pengajaran mereka. Dalam kajian ini, pengupayaan guru diukur melalui lima komponen membuat keputusan, pengembangan profesional, status, autonomi dan impak. Manakala bagi komponen efikasi kendiri digugurkan dari kajian berikut komponen efikasi kendiri terdapat dalam pemboleh ubah yang lain.

#### (a) Membuat keputusan

Short dan Rinehart (1992) menyatakan faktor utama membuat keputusan berkaitan keupayaan guru untuk mengambil bahagian dalam keputusan yang mempengaruhi kerja mereka. Penglibatan guru dalam membuat keputusan adalah melibatkan belanjawan, pemilihan guru, penjadualan, kurikulum dan pelbagai bidang lain. Dalam kajian ini, membuat keputusan adalah kuasa dan kepercayaan yang diberikan kepada guru dalam membuat keputusan berkaitan kerjaya dan bidang kuasa mereka.





### **(b) Pengembangan profesional**

Pengembangan profesional ialah persepsi guru mengenai peluang untuk membangunkan profesionalisme dengan pembelajaran berterusan dan keupayaan untuk memperluaskan pengetahuan, kemahiran dan keupayaan melalui kerja (Short & Rinehart, 1992). Dalam kajian ini, pengembangan profesional diukur dengan peluang yang diberikan kepada guru dari aspek pemberian kuasa dapat membantu guru dalam mengembangkan ilmu pengetahuan dan meningkatkan profesionalisme guru.

### **(c) Status**

Mengikut Short dan Rinehart (1992), status merujuk kepada persepsi guru berkaitan rasa hormat dan kagum yang ada pada rakan sejawat. Guru juga merasakan mereka rasa dihormati dan mempunyai ilmu dan kapakaran oleh rakan sejawat. Dalam konteks kajian ini, status adalah satu penghormatan daripada rakan sekerja terhadap kapakaran professional dan ilmu pengetahuan mereka.

### **(e) Autonomi**

Autonomi adalah kebebasan guru untuk membuat keputusan dalam kerjaya mereka (Short & Rinehart, 1992). Guru mempunyai autonomi terhadap kurikulum, pengajaran perancangan dan penjadualan mereka. Dalam kajian ini, autonomi bermaksud apabila guru mempunyai kepercayaan dan keyakinan diri untuk mengawal aspek tertentu dalam kerjaya perguruan. Guru merasakan hak kebebasan untuk membuat keputusan





terhadap pengurusan di sekolah sebagai contoh perancangan pengajaran dan pembelajaran.

#### (f) Impak

Berdasarkan Short dan Rinehart (1992) persepsi guru impak adalah kesan melalui kerja mereka. Kesan adalah keupayaan mereka dalam mengenal pasti kepuasan mereka terhadap kerjaya mereka. Dalam kajian ini, impak diukur berdasarkan persepsi guru tentang pengaruh mereka terhadap pengurusan sekolah dan memberi kesan kepada kepuasan terhadap kerjaya mereka.



Efikasi kendiri guru ialah kebolehan dan keyakinan guru untuk menghasilkan murid yang melibatkan diri dalam pembelajaran walaupun murid menghadapi pengaruh dari luar (Tschanne-Moran & Hoy, 2001). Dalam kajian ini, efikasi kendiri guru diukur melalui tiga komponen iaitu penglibatan murid, strategi pengajaran dan pengurusan kelas.





### (a) Penglibatan murid

Penglibatan murid adalah aspek yang dikaji untuk mengukur tahap efikasi kendiri guru (Tschannen-Moran & Hoy, 2001). Penglibatan murid adalah murid dapat menjalankan tugas seperti penglibatan pelajar dalam aktiviti pembelajaran dan mempunyai persekitaran pembelajaran yang aktif (Riggs, 2017). Manakala menurut Noland dan Richards (2015) ciri-ciri penglibatan murid apabila mereka membuat kerja dan mengikut peraturan kelas, serta penglibatan di dalam kelas mahupun di luar kelas. Penglibatan murid bermaksud dalam kajian ini adalah guru strategi yang digunakan oleh guru meningkatkan dan menggalakkan penglibatan murid dalam kelas dengan menanamkan sifat kebolehan pada murid.



Pengurusan kelas adalah kemampuan guru bagi menguruskan persekitaran pembelajaran dengan yakin dan berkesan (Shoulders & Krei, 2015). Dalam kajian ini, guru menggunakan kebolehan mereka untuk menguruskan murid supaya berada di dalam keadaan yang kondusif di dalam kelas.





### (c) Strategi pengajaran

Strategi pengajaran merupakan perancangan yang dibuat sebelum proses pengajaran dan pembelajaran bermula dan strategi pengajaran ini juga memainkan peranan penting bagi efikasi kendiri guru (Tschannen-Moran et al., 1998). Dalam kajian ini, strategi pengajaran bermaksud strategi yang digunakan oleh guru untuk memastikan murid mencapai objektif pembelajaran.

#### 1.12.3 Sekolah Rendah

Mengikut definisi KPM, sekolah rendah bermaksud pendidikan yang bermula dari umur tujuh tahun dan mengambil masa enam tahun. Pendidikan rendah adalah murid dari pendidikan prasekolah sehingga ke tahun tujuh. Sekolah Rendah terdiri daripada sekolah kebangsaan atau sekolah jenis kebangsaan. Dalam kajian ini, sekolah rendah ditafsirkan sebagai pendidikan yang bermula dari umur murid tujuh tahun sehingga dua belas tahun. Murid diberi pendedahan membaca, menulis, mengira dan subjek-subjek lain seperti sains, pendidikan jasmani, pendidikan Islam dan moral (KPM, 2018).

#### 1.12.4 Guru

Mengikut KPM (2018), guru ialah pegawai perkhidmatan pendidikan yang berkhidmat dengan Kementerian Pendidikan Malaysia.





### 1.13 Kesimpulan

Dalam bab ini telah diuraikan mengenai pengenalan kajian, latar belakang kajian, penyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, hipotesis kajian, kerangka teori, kerangka konsep kepentingan kajian, batasan kajian dan definisi operasional. Seterusnya dalam Bab 2, perspektif teoretikal pula akan diperkuatkan lagi dalam tinjauan literatur.

